

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD  
RAMLI [ DUNGUN ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan jangka panjang yang akan diambil Kementerian untuk memulihkan sistem kesihatan awam selepas pandemik COVID-19 reda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung perancangan jangka panjang bagi memulihkan sistem kesihatan awam selepas pandemik COVID-19 reda, Kementerian telah mengenalpasti beberapa langkah perancangan yang antaranya adalah:-

**1. Pelaksanaan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)**

Selari dengan aspirasi ANMS, literasi dan kesedaran mengenai kesihatan serta pemerkasaan komuniti akan dipertingkatkan. Ini meliputi pematuhan SOP dan arahan yang ditetapkan serta pembudayaan norma baharu agar rakyat boleh hidup dengan selesa dengan situasi di mana COVID-19 adalah endemik di seluruh dunia termasuk Malaysia. Rakyat akan diperkasakan bagi memantau kesejahteraan, kesihatan dan kebajikan ahli komuniti, termasuk pesakit COVID-19 dan kontak rapat yang diperintahkan menjalani pengasingan, pengawasan dan pemerhatian di rumah. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga telah memantapkan lagi program kesihatan mental dan psikososial bagi menangani peningkatan kes tekanan mental di kalangan masyarakat.

**2. Kerjasama Awam Swasta ataupun *Public Private Partnership (PPP)* dan Penyumberluaran Perkhidmatan**

Langkah untuk mengukuhkan kerjasama antara kerajaan dan swasta bukan sahaja mampu meningkatkan akses kepada penduduk, tetapi juga berpotensi menambah baik mutu perkhidmatan kesihatan negara. Ini termasuklah mengenalpasti potensi penyumberluaran untuk perkhidmatan tertentu bagi mengurangkan waktu menunggu pesakit di fasiliti awam.

**3. Meningkatkan Kesiapsagaan Penyakit Berjangkit**

Kementerian Kesihatan akan meningkatkan sistem surveyan penyakit berjangkit dan siapsiaga bencana, termasuklah penubuhan *Centre for Disease Control and Prevention (CDC) Malaysia*.

**4. Reformasi Sistem Kesihatan**

Kementerian Kesihatan sedang melaksanakan kajian penilaian sistem kesihatan yang melibatkan pembangunan *Malaysia Health System Reform Blueprint* dan dijangka siap pada 2022.

**5. Pengukuhan Sistem Pembiayaan Kesihatan**

Kerajaan akan memperkuuhkan sistem pembiayaan kesihatan negara dengan menambahbaik mekanisme pembiayaan bagi memastikan perlindungan risiko kewangan (*Financial Risk Protection*) untuk setiap lapisan masyarakat.

**6. Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Kesihatan**

Kementerian Kesihatan akan meningkatkan kualiti perkhidmatan sistem kesihatan melalui pembangunan *National Policy for Quality in Healthcare (NPQH)* yang turut mengambil input daripada Garis Panduan Pembangunan Polisi Kualiti Penjagaan Kesihatan oleh *World Health Organization (WHO)*.

**7. Memperkuuhkan Keupayaan Penyelidikan dan Inovasi Kesihatan Digital**

Kementerian Kesihatan akan memanfaatkan penggunaan teknologi dan inovasi dalam penjagaan kesihatan melalui pendigitalan perkhidmatan penjagaan kesihatan serta meningkatkan kapasiti penyelidikan dan inovasi.

Sekian, terima kasih.